

**Zahid Bidas Dakwaan Bekas MB Perak Berhubung Isu Tanah Kepada Veteran Bernama**  
**Jun 14, 2011**

**KUALA LUMPUR:** Menteri Pertahanan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi hari ini membidas dakwaan Anggota Parlimen Bukit Gantang, Datuk Seri Nizar Jamaluddin yang mempertikaikan isu pemberian tanah kepada anggota veteran pada sidang Dewan Rakyat, Selasa.

Ahmad Zahid berkata cadangan pemberian tanah sebanyak 20 ekar kepada setiap pesara tentera sebenarnya tidak masuk akal dan mustahil dilakukan kerana masalah kekurangan tanah.

"Saya juga ada tanya dia, kenapa isu pemberian tanah itu baru sekarang mahudibangkitkan. Kenapa tidak dulu, iaitu semasa dia menjadi Menteri Besar.

"Beliau sempat menjadi MB (Perak) selama 11 bulan... apa beliau buat untuk pesara tentera? Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) pernah memohon tanah kepada beliau, tapi beliau memberitahu tidak mempunyai kuasa dalam perkara itu kerana beliau sebenarnya dikawal oleh ramai Exco DAP di negeri itu (ketika itu)," katanya.

Ahmad Zahid berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Pemakaian Pangkat Tentera Darat di Kementerian Pertahanan di sini, Selasa.

Selain itu, beliau turut menegaskan bahawa hal ehwal berkenaan dengan permohonan tanah merupakan tanggungjawab kerajaan negeri.

"Kementerian sentiasa menyokong semua permohonan tanah untuk anggota tentera... kami (kementerian) juga mematuhi keputusan yang telah dibuat oleh Majlis Angkatan Tentera, bagaimanapun kami kena faham kuasa mutlak adalah kuasa kerajaan negeri," katanya.

Ahmad Zahid yang juga Naib Presiden Umno dalam pada itu berkata hakikat harus diterima bahawa tanah semakin berkurangan dan tentunya ada program-program yang harus diberikan kepada veteran selain daripada tanah.

Pada sidang Dewan Rakyat pagi tadi, Nizar mempersoalkan nasib yang sedang dihadapi oleh para veteran di mana beliau telah merujuk kepada mesyuarat yang dibuat oleh Majlis Angkatan Tentera, serta mencadangkan agar veteran diberikan keutamaan dengan sokongan Kementerian Pertahanan untuk memperoleh sekurang-kurangnya 20 ekar bagi setiap yang memohon.- **BERNAMA**

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd (Co No 10894-D).

Source:

[http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/6/14/mstar\\_berita/20110614210502&sec=mstar\\_berita](http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/6/14/mstar_berita/20110614210502&sec=mstar_berita)